

29 JUL 1996  
Mahathir-Sekerja  
BUANG KONFRONTASI, PM SERU KESATUAN SEKERJA

LANGKAWI, 29 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menggesa kesatuan-kesatuan sekerja menjadikan Malaysia sebuah negara yang tidak boleh dikalahkan dengan menjadi rakan kongsi dalam Persyarikatan Malaysia dan bukan membangkitkan konfrontasi dengan majikan dan kerajaan.

Sambil menyifatkan kesatuan sekerja sebagai "rakan kongsi yang hilang" dalam sejarah kejayaan Persyarikatan Malaysia yang telah membuahkan pertumbuhan ekonomi yang mengkagumkan, beliau berkata pertimbangan kesatuan sekerja bersifat jangka pendek dengan hanya memberi penumpuan kepada soal-soal kenaikan gaji.

"Hanya satu perkara yang dikesali dalam Persyarikatan Malaysia. Satu rakan kongsi menghilangkan diri. Kesatuan sekerja dan pekerja bukan merupakan rakan kongsi yang prihatin," kata Perdana Menteri ketika merasmikan Dialog Antarabangsa Langkawi kedua di Berjaya Langkawi Beach Resort di sini malam ini.

Dialog tiga hari ini, yang disertai 250 perwakilan termasuk enam ketua kerajaan dan pemimpin industri, akan membawa konsep "Perkongasian Bijak" kepada satu dimensi baru memupuk keadaan di mana semua pihak memperolehi kejayaan jangka panjang dalam menggalakkan perdagangan dan pelaburan.

Konsep ini yang merupakan tema dialog ini dan juga siri pertamanya tahun lepas, telah disifatkan sebagai satu arus baru dalam dunia perniagaan untuk masa depan.

Mahathir-Sekerja 2 Langkawi (Embargo)

Dr Mahathir berkata cara pemikiran kesatuan sekerja telah menghalang kerjasama erat dalam semangat Persyarikatan Malaysia.

"Tetapi sekiranya kesatuan sekerja mengetepikan sikap tradisi mereka ini dan ikut serta dalam perkongsian bijak Persyarikatan Malaysia, sudah tentu negara ini tidak boleh dikalahkan," kata beliau.

Dr Mahathir berkata Persyarikatan Malaysia yang diperkenalkan pada awal tahun 80-an sejurus selepas beliau menjadi Perdana Menteri, adalah penyatuan perkongsian bijak antara pegawai kerajaan, sektor swasta dan apa yang dipanggil tuan-tuan politik.

"Dan perkongsian ini bijak kerana ianya membuahkan hasil, hasil yang dikongsi bersama oleh semua tanpa pengecualian, bukan sahaja oleh tiga rakan kongsi itu tetapi rakyat dan negara keseluruhannya," kata beliau.

Beliau berkata Persyarikatan Malaysia sebenarnya telah memberi faedah kepada kesatuan sekerja dan pekerja-pekerja sendiri, sebagaimana yang dapat dilihat daripada kadar pengangguran yang hampir tidak wujud di negara ini sekarang, sementara kadar upah dan faedah telah meningkat untuk pekerja-pekerja.

"Begitulah permintaan untuk tenaga kerja yang menyebabkan keadaan sebahagiannya, sekurang-kurang dari konsep Persyarikatan Malaysia, di mana sekarang pekerja memilih majikan mereka dan bukan sebaliknya," kata Dr Mahathir.

Beliau yang mempersoalkan sikap kesatuan sekerja yang cenderung untuk berkonfrontasi dan mengambil tindakan industri, berkata kenaikan gaji menyebabkan peningkatan kos dan seterusnya menyebabkan kenaikan harga, kehilangan daya saing, penjualan dan keuntungan.

Beliau berkata, bagi kesatuan sekerja, bekerja dengan majikan melalui konsep Persyarikatan Malaysia ialah untuk menghalang semangat, membuat permintaan yang tidak munasabah dan mencari kedudukan untuk membuat perhitungan.

Mereka juga bertindak berasas kepada kekuatan dan ancaman untuk melakukan

kerugian sementara permintaan mereka perlu diterima terlebih dahulu dan peruntukan bukannya datang dari keuntungan yang didapati melalui produktiviti tetapi dari pengguna yang terpaksa membayar lebih.

Ini adalah sebaliknya dari pendekatan konsep Persyarikat Malaysia di mana perkongsian datang kemudian, daripada keuntungan yang diperolehi.

Perdana Menteri bertanya: "Tetapi mengapa kesatuan sekerja dan pekerja tidak mahu menjadi rakan kongsi dalam Persyarikatan Malaysia?"

Dr Mahathir bercakap mengenai pengaruh kesatuan sekerja antarabangsa ke atas rakan seperjuangan mereka di Malaysia.

Beliau menyifatkan pakar kesatuan sekerja antarabangsa seperti seseorang tidak suka melihat kerjasama wujud antara pekerja dan kesatuan mereka dengan musuh ketat mereka, para majikan.

Cara mereka membantu pekerja untuk mendapat pendapatan lebih ialah melalui konfrontasi dan tindakan industri.

Dengan menyertai Persyarikatan Malaysia, Perdana Menteri berkata ekonomi negara akan bertumbuh dan maju dengan lebih cepat dan semua pihak akan dapat menikmati pembahagian kek ekonomi yang kian membesar.

-- BERNAMA

AU WAT AHH